

Artifak Kebudayaan Melayu: Sumbangan Arkeologi dan Arkeologis

Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman

Abstract

Archeology and archeologists have contributed much in reconstructing the history of man from the pre-historic age. The results of archeological excavations that lead to the discovery of artifacts in various places throughout the Malay world, enable archeologists to build up a clearer or truer picture of what the Malay civilization was, when it existed and where. The discoveries can also throw light on how the people lived, moved around and communicated, as well as redefining earlier theories about how the Malay civilization started.

Keywords Malaysian archeology, Stone Age, prehistory, protohistory.

Abstrak

Ilmu Arkeologi dan ahli arkeologi telah banyak memberikan sumbangan dalam membina sejarah manusia semenjak zaman pra-sejarah. Kesan daripada ekskavasi arkeologi yang menemui artifak di beberapa kawasan di seluruh dunia Melayu, membolehkan ahli arkeologi membuat gambaran yang lebih jelas dan tepat mengenai apakah tamadun Melayu itu, bila dan di mana ia wujud. Ia juga dapat menjelaskan bagaimana manusia hidup, bergerak dan berhubung, serta mendefinisikan teori-teori awal tentang bagaimana tamadun Melayu bermula.

Kata Kunci Arkeologi Malaysia, Zaman Batu, prasejarah, protosejarah.

PENGENALAN

Sebelum dibicarakan sumbangan arkeologi dan arkeologis akan diperjelaskan pengertian dan konsep ungkapan artifak, kebudayaan, Melayu, arkeologi dan arkeologis. Hal ini penting kerana wujud perbezaan pendapat tentang perkataan tersebut. Umumnya, artifak adalah budaya material hasil ciptaan manusia melalui daya pemikiran mereka dalam konteks alam persekitarannya.

Antara hasil ciptaan manusia ialah alat perhiasan, alat memasak, pakaian, bahan seramik, alat senjata, alat memotong, alat peperangan, alat perkuburan, patung agama, wang syiling dan batu bersurat. Kalau lahir material budaya itu besar seperti bangunan dan candi maka ia diklasifikasi sebagai monumen.

Kebudayaan pula membawa erti cara hidup atau ‘way of life’ mengikut pendapat sebilangan besar sarjana. Cara hidup merujuk kepada kehidupan sesebuah masyarakat di satu-satu tempat pada satu-satu zaman. Antara zaman utama yang dilalui oleh manusia ialah prasejarah, protosejarah dan sejarah. Prasejarah adalah zaman manusia belum mengenali tradisi tulisan dan zaman protosejarah tulisan telah ada tetapi dalam bentuk skrip kuno seperti Pallava dan lain-lain.

Perkembangan dan kemajuan dalam cara hidup berbeza dari segi darjah peningkatan antara satu masyarakat dengan satu masyarakat yang lain dalam satu-satu jangka waktu. Sebagai contohnya, dalam tahun 3000 S.M. kehidupan masyarakat di Lembah Sungai Euphrates dan Tigris, Lembah Sungai Nil, Lembah Sungai Indus dan Lembah Sungai Hwang Ho adalah kehidupan bandar kerana meraka telah pun hidup dalam bandar. Namun masyarakat di Eropah pada waktu yang sama masih berada pada tahap prasejarah akhir. Begitu juga dengan negara kita dan Asia Tenggara masih berada dalam zaman Batu. Pada hari inipun dalam zaman IT masih terdapat masyarakat prasejarah di beberapa kawasan di Papua New Guinea dan di Indonesia. Justeru, kita dapat simpulkan bahawa perkembangan dalam cara hidup masyarakat tidak selari.

Konsep Melayu pula menimbulkan pelbagai pendapat. Dari perspektif sejarah, perkataan Melayu pertama kali muncul dalam tulisan sebagai Ma-la-yu pada tahun 644 Masihi iaitu dalam catatan China I. O.W. Wolters, 1967, hlm. 230) dan ini diikuti dengan catatan China oleh I Ching dalam tahun 671 Masihi. Melayu dicatat sebagai Mo-lo-yu. (J. Takakusu, 1896: 10). Kedua-dua catatan merujuk kepada tempat di Sumatera. Tempat itu dipercayai tempat terletaknya Jambi hari ini.

Sementara itu bahasa Melayu digunakan dalam penulisan selewat-lewatnya pada akhir abad ke-7 Masihi berdasarkan kepada batu bersurat. Kedukan Bukit, Karang Berahi, Telaga Batu Kapur dan Lampong di selatan Sumatera dalam zaman keagongan kerajaan Sriwijaya. (Nik Hassan Shuhaimi, 1992). Mengikut Perlembagaan Malaysia, orang Melayu adalah orang yang beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamal tradisi dan adat istiadat Melayu. Namun dalam konteks perbincangan saya hari ini, Melayu mempunyai konsep yang luas. Melayu di sini merangkumi seluruh kelompok etnik yang tersebar dari Pulau Madagaskar ke kepulauan Pasifik dan bertutur dalam pelbagai dialek bahasa Melayu-Polynesia atau Austronesia. Mereka itu dikategorikan sebagai Melayu sekiranya bahasa yang mereka gunakan pada asasnya bahasa Austronesia atau Melayu Polynesia. Istilah Melayu digunakan berasas kepada bahasa tanpa mengambil kira agama atau amalan adat istiadat.

Arkeologi pula ditakrif sebagai satu disiplin ilmu dan juga kaedah yang menyumbang kepada usaha pembinaan semula sejarah dan kebudayaan manusia zaman silam iaitu zaman prasejarah, protosejarah dan sejarah. Pembinaan semula zaman lampau itu memerlukan bantuan daripada data arkeologi iaitu artifik dan bukan artifik. Bukan artifik terdiri daripada sisa makanan, fosil dan sisa alam sekitar, ekofik.

Oleh kerana arkeologi adalah bidang ilmu yang berbentuk multi-disiplin maka dalam kerja perolehan data arkeologi ia memerlukan bantuan daripada pelbagai disiplin sains dan kemanusiaan. Antara disiplin yang banyak membantu dalam penyelidikan arkeologi adalah geologi, paleontologi, botani, zoologi, fizik, kimia, sejarah seni dan antropologi fizikal. Disiplin ilmu yang membantu itu disebut sebagai ilmu tunjang kepada arkeologi. Kewujudan pelbagai disiplin ilmu yang menyokong dan membantu disiplin arkeologi melahirkan pelbagai jenis arkeologis yang memfokus kepada bidang yang khusus dan subbidang khusus.

Lahirlah antara pelbagai arkeologis itu arkeologis prasejarah. Mereka memberi fokus kepada bidang prasejarah. Oleh kerana prasejarah itu boleh dipecah kepada beberapa subbidang pula seperti Paleolitik, Mesolitik, Neolitik, Gangsa dan Besi dan dalam bidang protosejarah ada arkeologis memfokus kepada kajian arkeologi arca agama dan ada pula kepada seramik. Terdapat arkeologis yang menggelar diri mereka arkeologis maritim kerana penglibatan dalam arkeologi maritim. Arkeologis yang mengkaji tentang asal-usul manusia digelar sebagai arkeologis-antropologis. Mereka yang mengkaji tentang arkeologi industri digelar sebagai arkeologis industri.

Kepelbagaiannya arkeologis mencerminkan betapa besarnya bidang ilmu arkeologi. Dengan sendirinya ia menolak tanggapan masyarakat umum bahawa arkeologis sebagai pencari harta karun. Namun dalam arkeologi terdapat juga golongan yang disebut dalam bahasa Inggeris sebagai ‘arm-chair archaeologists’. Mereka itu tidak terlibat dalam penyelidikan arkeologi sepenuhnya. Ini kerana mereka itu menjalankan penyelidikan di makmal dan di perpustakaan sahaja dengan menggunakan material budaya yang diperoleh oleh arkeologis lapangan. Kerja mereka menganalisis data yang dibawa balik oleh “arkeologis lapangan” (*field-archaeologists*). Antara golongan itu ialah pelbagai aliran ahli sains dan ahli sejarah seperti pakar bidang sejarah seramik dan sejarah gendang Dongson, sejarah lukisan gua, sejarah senibina agama Hindu dan Buddha dan masjid.

SUMBANGAN ARKEOLOGI DAN ARKEOLOGIS

Arkeologi memperoleh artifik melalui dua cara. Pertamanya, melalui penemuan secara tidak sengaja iaitu tanpa penyelidikan yang dirancang. Penemuan ini dibuat oleh individu secara tidak sengaja. Pada kebiasaannya penemuan itu

berlaku melalui kerja-kerja pertanian atau kerja-kerja pembangunan yang melibatkan penggalian tanah. Ada juga penemuan berlaku akibat daripada hakisan tanah di tebing sungai atau bukit. Pada kebiasaananya artifak yang dijumpai itu akan diserahkan kepada pihak muzium dan pihak muzium akan menjalankan penyelidikan susulan pada tempat jumpaan artifak itu dengan tujuan untuk mendapat data lain dan menyelamat tapak arkeologi tersebut. Kedua, penemuan artifak berlaku melalui penyelidikan arkeologi yang terancang. Penyelidikan yang terancang ialah penyelidikan yang melibatkan kerja-kerja lapangan, tinjauan arkeologi untuk mencari tapak arkeologi dan seterusnya ekskavasi. Ekskavasi itu melibatkan pasukan penyelidik yang dipimpin oleh seorang arkeologis yang berpengalaman dalam arkeologi lapangan.

Penyelidikan arkeologi di alam Melayu bermula semenjak akhir abad ke-19 selari dengan perkembangan yang berlaku di barat iaitu 1870-an apabila lahirnya arkeologi prasejarah. Namun penyelidikan arkeologi berbentuk purbawanisme iaitu mencari artifak kerana minat terhadap barang purba bermula lebih awal. Di Malaysia umpamanya ia bermula semenjak 1840-an apabila Kol. James Low menemui tapak arkeologi protosejarah di Lembah Bujang. (Nik Hassan Shuhaimi & Othman Yatim: 1990).

Kegiatan arkeologi menemui artifak hasil daripada jumpaan artifak itu membolehkan arkeologis membuat rekonstruksi sejarah dan cara hidup masyarakat. Penemuan artifak batu zaman Paleolitik di alam Melayu membantu arkeologis merangka sejarah perkembangan manusia di alam Melayu dari perspektif kronologi, perkembangan dan cara hidup mereka. Artifak zaman Paleolitik dijumpai di beberapa tempat di alam Melayu. Antara tempat-tempat itu ialah Trinil di Jawa, Kota Tampan di Lenggong, Gua Niah di Malaysia. Di Palawan, Gua Niah dan Trinil ditemui tengkorak manusia terawal yang berumur sekitar 40,000 tahun. Di Trinil dijumpai juga tinggalan manusia jenis *Homo erectus*.

Jumpaan artifak zaman Paleolitik dan fosil menunjukkan manusia telah wujud di alam Melayu selewatnya 70,000 tahun dahulu berdasarkan tarikh tapak di Lenggong. Kepurbakalaan manusia di alam Melayu menunjukkan asal usul manusia di alam Melayu adalah dari punca yang sama seperti asal usul manusia awal di Afrika dan di tempat lain di dunia. Walaupun wujud fosil *Homo erectus* di Jawa didapati bahawa manusia Homo sapien bukan berevolusi daripada *Homo erectus*. Usaha arkeologis mendapat bantuan daripada kajian DNA terkini telah mengesahkan hakikat itu. Ini adalah satu sumbangan arkeologi dan arkeologis yang penting tentang asal usul manusia di alam Melayu. Berdasarkan kajian antropologi fizikal kelompok manusia terawal di alam Melayu adalah jenis Negroid dan diikuti oleh Mongoloid.

Tahap kedua dalam perkembangan manusia ialah Mesolitik. Arkeologis melalui penyelidikan arkeologi telah menemui artifak batu jenis Mesolitik.

Alat batu yang dihasilkan pada zaman ini lebih banyak jenisnya jika dibanding dengan zaman Paleolitik. Arkeologis di alam Melayu yang terdiri daripada arkeologis Barat menamakan zaman Mesolitik di alam Melayu ini sebagai kebudayaan Hoabinh. Nama kebudayaan itu diberi sedemikian kerana mengandaikan kebudayaan itu berasal dari daerah Hoabinh di Vietnam utara. Namun arkeologis yang menyelidiki selepas tahun 1960-an tidak menerima hakikat bahawa kebudayaan Mesolitik berasal dari Vietnam utara. Hasil penyelidikan mereka di beberapa kawasan di alam Melayu menunjukkan bahawa perubahan dari kebudayaan Paleolitik ke Mesolitik adalah secara evolusi tempatan.

Arkeologis juga telah menemui artifikat batu di beberapa kawasan di alam Melayu yang lebih maju daripada artifikat zaman Mesolitik. Artifikat batu itu jenis yang dilincinkan permukaannya, lebih tajam dan dalam pelbagai bentuk dan jenis. Artifikat itu dijumpai bersama-sama bahan-bahan yang dibuat daripada tembikar. Selain daripada alat batu yang diguna untuk kerja harian dijumpai juga alat batu untuk perhiasan seperti gelang dan cincin batu. Kemajuan yang dicapai itu telah dinilai oleh arkeologis. Antara penilaian yang dibuat dalam tahun 1930-an oleh Robert Heine-Geldern dan telah mengeluarkan hipotesis (Nik Hassan Shuhaimi: 1999) iaitu kemajuan itu berlaku kerana migrasi penduduk dari China ke alam Melayu. Hipotesis itu dibuat berdasarkan kepada pemerhatian beliau terhadap penyibaran artifikat “quadrangular adze” (beliung empat segi). Migrasi penduduk yang bertutur bahasa Austronesia dikatakan secara besar-besaran ke Semenanjung Tanah Melayu dan ke Taiwan, Filipina dan ke seluruh alam Melayu melalui jalan laut dalam zaman Neolitik.

Walaupun pada hari ini hipotesis Heine-Geldern tidak lagi diguna pakai secara menyeluruh, tetapi masih terdapat arkeologis seperti Peter Bellwood dan kumpulannya di Australia yang masih berpegang kepada teori migrasi yang mengakibatkan perubahan dari Mesolitik ke Neolitik. Namun dari segi logik dan penilaian yang objektif terhadap artifikat zaman Neolitik konsep perubahan budaya melalui migrasi penduduk zaman Neolitik amat susah untuk diterima. Justeru, ada usaha untuk melihat perubahan itu melalui pendekatan ethno-linguistik. Ekoran dari itu lahir pendapat bahawa tempat asal bahasa Melayu ialah di Borneo. Pendapat ini dipelopori oleh ahli sejarah linguistik yang terdiri daripada sarjana sejarah linguistik dan antaranya ialah Prof. James Collins (Nik Hassan Shuhaimi & Bambang Budi Utomo, 2000).

Penemuan gendang gangsa dan loceng gangsa yang diperoleh oleh arkeologis di beberapa kawasan di alam Melayu membolehkan arkeologis membuat kesimpulan tentang asal usul dan bentuk kebudayaan berkait dengan alat gangsa tersebut. Kajian arkeologis melahirkan hipotesis tentang adanya satu kebudayaan dalam zaman gangsa yang dinamakan sebagai kebudayaan Dongson. Kebudayaan Dongson bermula di Vietnam utara dan tersebar ke alam Melayu. Penyebaran kebudayaan Dongson ke alam Melayu dipercayai melalui perdagangan lebih kurang 2500 tahun dahulu.

Selain daripada itu arkeologis telah menyumbang kepada pengetahuan tentang zaman proto-sejarah khususnya kerajaan awal yang terdapat di alam Melayu semenjak kurun kedua Masihi. Maklumat tentang zaman tersebut diperkuuh dengan data yang diperolehi daripada sumber India, China, Arab dan tempatan. Sumber arkeologi menyumbang data dalam bentuk artifak dan monumen dan sumber India, China, Arab dan tempatan menyumbang data yang bertulis tentang nama tempat kehidupan masyarakat dan lokasinya.

Dalam penyelidikan arkeologi proto-sejarah, arkeologis telah menemui tinggalan kerajaan awal seperti Langkasuka (abad ke-2 hingga abad ke-10 Masihi), (Paul Wheatley, 1961), Funan (abad ke-2 hingga abad ke-5 Masihi), Champa (abad ke-2 hingga abad ke-10 Masihi), Chieh-cha (abad ke-5 hingga abad ke-13 Masihi), Ma-la-yu (abad ke-5 hingga abad ke-13 Masihi), Sriwijaya (abad ke-7 hingga abad ke-13 Masihi) dan lain-lain lagi. Hasil penyelidikan itu, arkeologis dapat membina balik pelbagai aspek tentang kerajaan awal tersebut. Aspek-aspek utama yang dapat dikaji ialah perdagangan, agama dan cara hidup masyarakat. Arkeologis dapat menunjukkan pola perdagangan dan bahan yang diperdagangkan. Antara bahan perdagangan utama ialah seramik dan manik.

Artifak seramik dan manik merupakan barang perdagangan utama. Di setiap tapak arkeologi protosejarah akan dijumpai seramik dan kadangkala manik. Pelbagai jenis seramik dijumpai. Antara jenis seramik ialah seramik China, Vietnam, Thailand dan Timur Tengah. Seramik yang paling banyak dijumpai ialah seramik China. Keadaan tersebut menunjukkan betapa besarnya perdagangan di antara alam Melayu dengan China. Seramik China itu terdiri daripada seramik dinasti T'ang (abad ke-6 hingga abad ke-10 Masihi), dinasti Song (abad ke-10 hingga abad ke-12 Masihi), dinasti Yunan (abad ke-12 hingga abad ke-13 Masihi), dinasti Ming (abad ke-15 hingga abad ke-17 Masihi) dan dinasti Qing (abad ke-17 hingga abad ke-19 Masihi). Seramik Timur Tengah adalah produk abad ke-7 hingga abad ke-11 Masihi, seramik Vietnam dan Thailand adalah hasil abad ke-15 dan abad ke-16 Masihi. (The Brunei Shipwrecks, 2000). Kajian arkeologis terhadap artifak tersebut membolehkan mereka memberi data tentang evolusi dan perkembangan satu-satu penempatan dan juga fungsi dan status penempatan sama ada ia pelabuhan pembekal pelabuhan-kerajaan atau entrepot. Selain daripada itu arkeologis dapat menafsirkan pola perdagangan petempatan itu berdasarkan artifak seramik.

Dengan mengkaji peninggalan warisan agama atau artifak agama iaitu arca dewa dan dewi dan monumen iaitu candi satu-satu penempatan proto-sejarah (Nik Hassan Shuhaimi, 1984), arkeologis dapat menyumbang kepada pengetahuan tentang amalan agama dan juga asal usul dan pengaruh perkembangan amalan tersebut. Arkeologis dapat menunjukkan agama apa yang diamalkan di kerajaan awal seperti Kedah Tua (Chieh-cha/Kataha),

Malayu-Jambi, Langkasuka, Funan, Champa, Sailendra dan Sriwijaya. Misalnya, arkeologis telah mengesahkan agama utama di Chieh-cha abad ke-5 hingga abad ke-10 Masihi adalah agama Buddha dan abad ke-11 hingga abad ke-13 Masihi agama Hindu. Di Malayu-Jambi agama dominan abad ke-6 hingga abad ke-11 Masihi agama Buddha dan Sriwijaya mengamalkan agama Buddha Mahayana. Kerajaan Funan Angkor dan Campa mengamalkan ama Hindu dan Sailendra agama Buddha Mahayana dan Hindu Siva.

Arkeologis banyak menyumbang kepada pengetahuan kita tentang kerajaan awal pada zaman protosejarah. Maklumat yang dicungkil daripada peninggalan artifak dan monumen yang tidak bernyawa itu telah membantu sejarawan melihat perkembangan kerajaan awal dalam aspek evolusi dan perkembangannya. Perkembangan itu dalam bentuk pemerintahan, perdagangan cara hidup agama dan pengaruh. Melalui warisan artifak dan monumen yang ditinggalkan oleh kerajaan awal arkeologis telah berjaya membina balik sejarah kerajaan awal seperti Chieh-cha, Langkasuka, Malayu, Funan, Campa dan Sriwijaya.

Zaman sejarah juga dapat dibina balik dengan menggunakan arkeologi. Oleh kerana zaman sejarah telah terdapat banyak sumber bertulis, apa yang dapat disumbang oleh arkeologis adalah dalam aspek budaya material iaitu artifak. Data daripada artifak dapat memantap data yang diperoleh daripada sumber bertulis. Antara aspek sejarah dan budaya zaman sejarah yang boleh dicungkil daripada data arkeologis adalah seperti adat istiadat, pakaian, sistem pertahanan iaitu kota dan kubu, seni bina masjid, istana, rumah kediaman dan lain-lain lagi alat muzik, kenderaan seperti perahu, kereta kuda dan kereta lembu dan kraftangan dan bahan perdagangan seperti bahan seramik dan duit syiling.

Antara contoh penyelidikan arkeologi sejarah ialah kajian arkeologi Sungai Johor, kajian pelbagai jenis kota (Nik Hassan Shuhaimi, 2000) seperti kota Kuala Kedah, Kota Lukut, Kota Kuala Muda, Kota Melawati dan Kota Banten di Jawa dan Kota Batu di Brunei, dan kajian seni bina seperti masjid tertua di Malaysia iaitu Masjid Pasir Pekan di Kelantan, Masjid Kapitan Keling di Pulau Pinang dan Masjid Demak di Jawa.

Implikasi Terhadap Sumbangan

Berasaskan kepada tinggalan warisan budaya yang terbatas itu maka ahli-ahli arkeologi cuba menafsirkan beberapa persoalan asas. Antara persoalan asas yang sering diperkatakan ialah cara perubahan atau mekanisme perubahan yang membawa kepada perkembangan tamadun dari satu tahap tamadun ke satu tahap yang baharu seperti dari tahap Paleolitik di tahap Mesolitik dan seterusnya ke Neolitik. Proses kelahiran kerajaan awal seperti kerajaan Kedah Tua, kerajaan Melayu-Jambi, Sriwijaya dan lain-lain turut dibicarakan.

Apabila dibicarakan mekanisme perubahan dengan sendirinya juga ia menyentuh tentang hubungan antarabangsa. Ini kerana perubahan yang berlaku mempunyai kaitan secara langsung dengan hubungan antarabangsa itu. Perubahan yang berlaku dalam perdagangan, kepercayaan, amalan hidup dan perkembangan dalam tamadun sama ada meningkat atau menurun mestilah berkait dengan hubungan yang terjalin antara masyarakat tempatan dengan orang luar. Oleh hal yang demikian hubungan luar itu adalah pemangkin kepada sebab dan akibat dalam perubahan.

Terdapat dua aliran utama yang digunakan dalam menilai perubahan kepada sejarah Alam Melayu (W. Peterson, 1977). Pertama, aliran arkeologi tradisional (*traditional archaeology*) dan kedua, aliran arkeologi baharu (*New archaeology*). Dalam pendekatan baharu ini analisis yang dibuat adalah melalui pandangan yang sistematik terhadap budaya iaitu pandangan yang sistematik terhadap budaya iaitu pandangan bukan normatif (*normative view of culture*). Pandangan sistematik ini lahir daripada perancangan kajian di lapangan yang memastikan data arkeologi terdiri daripada tinggalan budaya dan juga tinggalan ekofak (biotik dan abiotik). Cara itu penting kerana kajian sedemikian dapat melihat kedudukan dan bentuk tinggalan arkeologi di satu-satu tapak arkeologi dalam konteks hubungan antara satu sama lain. Dengan itu dapat ia mentafsirkan struktur dan fungsi satu-satu tinggalan warisan budaya. Kajian itu menafsirkan hubungan secara kontekstual dan fungsional yang sinkronik. Hasilnya ia berjaya merekonstruksi cara hidup masyarakat yang dikaji. Kajian yang dikronik pula dapat menilai proses perubahan budaya (*cultural change*).

Ekoran daripada dua aliran tersebut maka lahirlah pula aliran berbentuk pasca-prosesual (*post-processual archaeology*). Dalam pasca-prosesual itu terdapat arkeologi struktur, arkeologi Marxist, arkeologi kritikal, arkeologi *contextual interpretative* dan juga arkeologi prosesual kognitif.

Segala perkembangan aliran arkeologi di dunia Barat turut dirasai oleh mereka yang menjalankan penyelidikan arkeologi di Alam Melayu. Ini kerana dua faktor utama (i) arkeologi Alam Melayu sebelum 1970-an dikuasai oleh orang barat (ii) arkeologi selepas 1970-an melibatkan mereka yang sedar tentang perkembangan aliran itu kerana mereka juga menuntut dengan guru dari Barat atau guru tempatan tetapi mendapat pendidikan Barat.

Dengan menekankan kepada konsep penyelidikan arkeologi itu yang seharusnya sistematik dan saintifik, mulai daripada 1970-an terdapat perubahan paradigma dalam penyelidikan arkeologi Alam Melayu. Perubahan paradigma dalam penyelidikan itu ialah pendekatan sejarah budaya kepada pendekatan *monothetic*.

Pendekatan sejarah budaya mencerminkan dua aliran utama. Aliran awalnya ialah *colonial-antiquarian culture histories* (W. Peterson, 1977). Aliran sejarah budaya purbawanisme kolonial yang paling terkenal adalah rekonstruksi yang dibawa oleh Heine-Geldern (1932) serta pengikutnya seperti Roger Duff dan lain-lain.

Rekonstruksi yang sedemikian adalah perkembangan yang wujud tahun 1970-an dalam sejarah budaya Alam Melayu, sejarah budaya itu cuba menjelaskan tentang arah hubungan antarabangsa yang wujud di Alam Melayu.

Berasaskan kepada aliran *Colonial antiquarian culture history* hubungan antarabangsa pada zaman prasejarah wujud di antara dua kawasan iaitu yang maju dengan kawasan yang tidak maju. Kawasan yang maju adalah benua Asia (Van Heekeren, 1957: 128), barat melalui timur laut dan China Tengah (*ibid*: 103). Hubungan di antara dua kawasan itulah yang membawa kepada perubahan. Tanpa hubungan antarabangsa mengikut arah yang dinyatakan oleh sarjana-sarjana aliran *colonial-antiquarian culture histories* maka tidak mungkin berlaku perubahan ke arah kemajuan. Sarjana-sarjana aliran tersebut tidak dapat membayangkan Alam Melayu sebagai kawasan penyumbang kepada kemajuan budaya. Mereka menganggap perubahan itu tidak mungkin dari Alam Melayu kerana kemajuan di Alam Melayu adalah kerana sama ada meminjam atau perpindahan penduduk dari kawasan maju. Alam Melayu dianggap sebagai *backwater*.

Keadaan yang sama wujud dalam menilai hubungan antarabangsa di Alam Melayu yang berlaku mulai abad pertama Masehi. Alam Melayu bukan penyumbang kepada tamadun agama Hindu dan Buddha, kerana ia dianggap sebagai penerima sahaja. Kebudayaan yang bermula di India itu dikatakan disebar melalui perdagangan, Brahmin, penaklukan serta migrasi penduduk India. Oleh hal yang demikian Alam Melayu dianggap sebagai sebahagian daripada empayar India. Maka lahirlah konsep *Greater India* yang dibawa oleh Majumdar, Nilakanta Sastri, Quaritch-Wales dan beberapa orang lagi.

Sebagai reaksi kepada aliran *colonial-antiquarian culture histories* maka lahirlah pendekatan *internal-development culture histories*. Antara sarjana itu ialah Chester Gorman dengan kajiannya di Gua Hantu, Thailand dan menghasilkan bukti bahawa pertanian telah wujud ditahap kebudayaan “Hoabinh”. Bayard menunjukkan kewujudan teknologi gangsa dan pertanian di Non Nok Tha lebih awal daripada yang berlaku di Vietnam (kebudayaan Dongson). Bukti-bukti daripada penyelidikan arkeologi terbaru di Filipina juga menunjukkan bahawa kebudayaan “Hoabinh” bukan terbatas di tanah besar Asia Tenggara sahaja tetapi juga di kepulauan Asia Tenggara iaitu Alam Melayu.

Kelahiran aliran kedua agak baharu iaitu awal 1970-an. Ini ada kaitannya dengan perkembangan dalam disiplin arkeologi itu sendiri. Namun dalam aliran kedua itu terdapat perbezaan untuk menerangkan pandangan perubahan kepada perkembangan tamadun dan secara langsung melihat sebab dan akibat kepada hubungan dalam zaman prasejarah dan protosejarah (F.L. Dunn, 1970: 1041-1054) dan cuba menerangkan perbezaan-perbezaan di antara tanah besar Asia Tenggara secara bandingan kepada model genetik. Satu lagi percubaan

ialah yang dibuat oleh Hutterer (1976). Beliau melihat kepelbagaian tapak arkeologi di Asia Tenggara merefleksikan kepelbagaian ekologi dalam hutan Tropik.

Peterson, walaupun mengakui bahawa pendekatan F.L. Dunn dan Hutterer adalah berbeza daripada aliran *colonial-antiquarian culture histories* tetapi perbandingan yang mereka guna agak lemah kerana terlalu hipotetikal dan tidak dapat disah oleh bukti arkeologi yang sahih. Walau bagaimanapun aliran kedua sekiranya menumpukan perhatian kepada sebab dan akibat maka sudah pasti mewujudkan keadaan yang mana setiap hipotesis/jangkaan dapat diuji.

Penelitian F.L. Dunn yang berasaskan kepada pendekatan ekologi menunjukkan bahawa manusia di Alam Melayu yang hidup pada tahap 35,000 ke 11,000 tahun dulu boleh bergerak dari satu tempat ke satu tempat melalui jalan darat kerana Pentas Sunda dan Sahul timbul akibat daripada penurunan aras air laut. Selat Melaka juga timbul, dengan itu manusia dari Semenanjung Tanah Melayu boleh bergerak ke Sumatera dan begitu juga manusia dari Jawa boleh bergerak ke utara melalui jalan darat. Justeru, diandaikan manusia sebaik hidup mengamal satu kebudayaan yang sama iaitu Poleolitik akhir. Hubungan antara kelompok itu terjalin tanpa batasan sempadan dan air. Bukti daripada penemuan arkeologi menunjukkan bahawa peralatan yang dicipta daripada batu oleh setiap kelompok masyarakat itu mempunyai keseragaman bentuk dan fungsi.

Bibliografi

- A catalogue of Selected Artifacts from The Brunei Shipwrecks. Brunei: Brunei Museums. (2000).
- Dunn, F.L. (1970). *Cultural Evolution in the late Pleistocene and Holocene Southeast Asia*. Artibus Asia, 72, 1941-1954.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman & Bambang Budi Utomo. (2000). *Laporan Penyelidikan Arkeologi di Kalimantan Barat*. Jakarta: Pusat Penelitian Arkeologi Nasional Indonesia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (1984). Art Archaeology and the early kingdoms in the Malay Peninsula and Sumatera: C400-1400 A.D. Ph.D thesis University of London. Bab 4 dan 5.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (1990). *Antiquities of Bujang Valley*. Bangi, Selangor: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (1992). *Arkeologi, Seni dan Kerajaan Kuno di Sumatera*. Bangi, Selangor: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (1999). Arkeologi, Pra Islam Pesisir Selat Melaka Evolusi atau Migrasi. Syarahan Perdana. Bangi, Selangor: Penerbit UKM.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (2000). Seratus Lima Puluh Tahun Arkeologi Negeri Johor. Penyelidikan dan Pencapaian Sari 18. UKM 93-114.

- Peterson, J. and Peterson, W. (1977). *Implications of contemporary and prehistoric exchange systems*. In *Sunda and Sahul: Prehistoric studies in Southeast Asia, Melanesia and Australia*, edited by J. Allen and Golson J. and Jones, J. 533-564. New York: Academic Press.
- Quaritch-Wales. (1940). Archaeological Researches on ancient Indian colonization in Malaya. *JMBRAS*. 18.1.1940. 1-85.
- Skinner, H. (1957). Migrations of Culture in South East Asia and Indonesia. *Journal of Pacific Studies* 66 (2): 206-207.
- Takakusu, J. (1896). *A record of the Buddhist religion as practised in India and the Malay Archipelago 671-695 A.D.* I Tsing, Oxford.
- Van Heekeren, H.R. (1957). *The Stone Age of Indonesia*. The Hague: Nijhoff.
- Wheatley, Paul. (1961). *The Golden Khersonese*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Wolters, O.W. (1967). *Early Indonesian Commerce: A study of the origins of Srivijaya*. Ithaca, New York: Cornell University Press.